

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11)
 STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)
 MAKLUMBALAS (HTTP://U-RESPONS.UPM.EDU.MY/ACTION.FORM?PTJ=UPM&LANG=BM&PUBLIC=1)

Carian



Selamat Datang Ke Laman Portal
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) AKADEMIK (/akademik-15) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
 KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19)



Senarai Berita (/berita)

Mengekal Kelestarian Kualiti Tanah, Air Empangan Muda Dan Ahning

Oleh: Dr. Daljit Singh a/l Karam Singh



SIK (Kedah) - Beberapa penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) menjalankan penyelidikan bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam memantau status kualiti tanah dan air di empangan Muda dan empangan Ahning.

"Kualiti air yang baik menjamin bekalan air yang disalurkan untuk kegunaan domestik dan pertanian adalah selamat untuk digunakan," kata Timbalan Pengurus Besar (Teknikal), MADA, Datu' I. Hor Tek Lip.

Beliau berkata, unit di bawah seliaannya mempunyai tanggungjawab amat tinggi kerana perlu memastikan air di empangan sentiasa mencukupi untuk kegunaan domestik dan pengairan pertanian.

Ramai yang tidak mengetahui punca sebenar air yang mereka gunakan, katanya sambil menjelaskan bahawa air dari empangan itu datang dari kawasan tadahan hujan di Ulu Muda.

"MADA mempunyai beberapa stesen empangan seperti empangan Muda, Ahning dan Pedu. Kami sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan pihak luar dalam memastikan kualiti air di empangan sentiasa berada pada tahap yang memuaskan," katanya.

Beliau berkata salah satu matlamat pihaknya adalah bekerjasama dengan penyelidik dalam membantu mengekalkan kualiti air di kawasan tadahan hujan di empangan kerana ia boleh membantu menyediakan maklumat mengenai kualiti air di empangan.

"Kami melihat UPM serta UM mempunyai kekuatan sendiri dalam bidang penyelidikan pengurusan alam sekitar," katanya.

Seiring dengan moto MADA 'Nadi Jelapang Padi Negara', Kawasan Muda mampu menyumbang hampir 40 peratus padi untuk keperluan negara dan seterusnya menjadikan Kedah dengan jolokan 'peruk nasi Malaysia'.

LIHAT JUGA



Mengekal kelestarian kualiti tanah, air Emj dan Ahning
 (/berita/mengekal_kelestarian_kualiti_tanah_muda_dan_ahning-30639)



850 anjing dihimpun sempena Dogathon u dana haiwan terbiar
 (/berita/850_anjing_dihimpun_sempena_dcmpu_dana_haiwan_terbiar-30637)



Young Scientist Apprentice tarik minat pelc terhadap kimia
 (/berita/young_scientist_apprentice_tarik_n_tsh_terhadap_kimia-30635)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)



Justeru, sistem pengairan adalah amat penting dan peranan tadahan hujan amat signifikan dalam keperluan penanaman padi negara. Aliran air yang masuk ke takungan Empangan Muda disalurkan ke Empangan Pedu melalui Terowong Saiong bagi pengairan tanaman padi.

Manakala bagi Empangan Ahning, sumber aliran air adalah dari kawasan tadahan Empangan Ahning yang digunakan untuk bekalan air domestik/industri dan sebagai bekalan tambahan untuk pengairan tanaman padi.



Dr. Daljit Singh A/L Karam Singh, dari Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian, UPM pula berkata, UPM dan UM menyedari pentingnya pemindahan serta perkongsian pengetahuan antara universiti dan industri serta agensi kerajaan seperti MADA.

"Kerjasama penyelidikan dalam penilaian status terkini kualiti tanah dan air di empangan telah lama dibincangkan bersama MADA. Apa yang penting, kami ingin masyarakat setempat mengetahui peranan universiti bukan hanya untuk mendidik pelajar di universiti, malah juga berkongsi serta bertukar pengetahuan bersama agensi-agensi seperti MADA.

"Apabila kita berada di lapangan dan berurusan secara langsung bersama komuniti, kita dapat mengetahui isu-isu semasa dan permasalahan yang wujud di peringkat lapangan. Pada masa yang sama pelajar universiti dapat mempelajari dan menimba pengalaman baharu daripada kakitangan MADA semasa menjalankan kerja di lapangan " katanya.

Justeru, katanya, amat penting untuk semua pihak yang berkaitan menggembleng tenaga dalam memastikan rakyat mendapat bekalan air yang mencukupi dan dijamin selamat digunakan, serta untuk pertanian seperti padi agar padi dapat dihasilkan dan dikomersilkan pada waktu yang telah dipersetujui ke arah menjamin sekuriti makanan negara.

Pensyarah kanan Institut Sains Biologi, UM, Dr. Rosazlin Abdullah, pula berkata data empirikal yang diperolehi daripada aktiviti pengambilan sampel, analisis di makmal sehingga interpretasi data, dijangka mampu membantu MADA membuat keputusan tepat sekiranya wujud sebarang masalah.

BM



"Pada masa ini, kita mempunyai dua pelajar peringkat pasca siswazah yang menjalankan penyelidikan kesan sedimentasi terhadap kualiti air di empangan Muda dan Ahning dan kesan sumber air yang disalurkan ke kawasan sawah padi terhadap kualiti tanah," katanya.

Hasil kajian yang diperolehi akan memberi data secara saintifik kepada MADA dalam mengambil tindakan sekiranya terdapat isu berbangkit berkaitan kualiti air.

Ketiga-tiga empangan Muda, Ahning dan Pedu terletak berhampiran Muda Resort milik MADA yang dibuka kepada orang ramai yang ingin bercuti bersama keluarga jauh dari kesesakan bandar. - UPM

Kemaskini: 13/04/2017 [hairul_nizam]



HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

✉ marketing@upm.edu.my

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(<http://www.moe.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
(<http://www.ptpn.gov.my/>)

1Malaysia
(<http://www.1malaysia.com.my/>)

Multimedia Super Corridor
(<http://www.mscomalaysia.my/>)

Portal myGovernment
(<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)

Agensi Kelayakan Malaysia
(<http://www.mqa.gov.my/>)

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

KM Portal
(<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

Sistem Permohonan ke Luar Negara
(<http://spln.upm.edu.my/>)

Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)

Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)

Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)

Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)

Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

i-GIMS (staf)
(<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgsportal.upm.edu.my/2ee/portal/login.jsp>)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.etender.upm.edu.r>)

Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.r>)
Laporan Piagam Pelanggan
(http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202)

Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/D>)

Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)

Dana Wakaf Ilmu (<http://www.fund4knowle>)

Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)

Poliklinik Putra Medik
(<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (</footnote/hakcipta-29950>)
RSS (</footnote/rss-29951>) Penafian (</footnote/penafian-29938>)
Bantuan (</footnote/bantuan-29937>)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2017 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**